

21 MAY 2001

STANCHART-ANDREW

STANCHART AKAN TERUS MELABUR DI M'SIA

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Standard Chartered, yang memulakan operasinya sebagai agen dagangan di Pulau Pinang pada 1875, akan terus melabur di negara ini, kata ketua pegawai eksekutif Standard Chartered Bank Malaysia Bhd (StanChart), Michael Hague.

Beliau berkata sepanjang tempoh 126 tahun beroperasi di Malaysia, ia telah menyokong segala bentuk pembangunan ekonomi negara ini.

Syarikat itu adalah sebahagian besar daripada ekonomi dan rangka sosial negara di mana "tidak menghairankan, kami sering dianggap sebagai bank Malaysia," kata Hague di majlis perasmian StanChart Ottoman Room oleh Duke of York, Putera Andrew, di sini, hari ini.

Majlis itu yang berlangsung di Muzium Seni Islam, disaksikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia Graham Fry dan pengerusi eksekutif Yayasan AlBukhary Datuk Ismail Yusof.

Hague juga berkata bank itu memainkan peranan dengan serius sebagai warganegara korporat dan telah melaksanakan beberapa inisiatif yang menekankan kepada menyediakan peluang-peluang bagi rakyat Malaysia terutama golongan muda untuk mengembangkan skop dan pengetahuan mereka melangkaui sempadan negara.

"Kami akan terus menyumbang ke arah kemajuan rakyat Malaysia seperti mana kami mahu terus melabur dalam perniagaan kami di negara ini," katanya.

Beliau berkata sebagai contoh pada 1998, bersempena dengan lawatan Lembaga Pengarah StanChart Plc, pengerusinya Sir Patrick Gillam menjanjikan 100,000 pound sterling (RM540,000) kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai hadiah Standard Chartered kepada rakyat Malaysia.

Dana-dana ini digunakan untuk membina semula Ottoman Room kurun ke-18 di Muzium Seni Islam yang kini sedang dalam pembinaan.

Ottoman Room adalah artifak yang jarang ditemui kerana ia adalah yang kedua seumpamanya di dunia. Artifak yang pertama boleh dilihat di Metropolitan Museum di New York.

Standard Chartered Ottoman Room mempunyai siling dengan rekaan yang unik dan lantai ukiran kayu yang diilhamkan daripada pelbagai motif warisan tradisi Islam, Cina dan Eropah. --BERNAMA

ER FR ZK